



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PENJAJA

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SALPe-04	NO PINDAAN : 0
	TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

DEFINISI

'PENJAJA SEMENTARA' ertinya seseorang yang kadangkala mendirikan gerai dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau apa-apa jenis jualan yang dibenarkan oleh Yang Dipertua.

'PENJAJA STATIK' ertinya seseorang yang mendirikan gerai di sesuatu tempat awam atau tempat persendirian dan menjual atau mendedahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis.

'PENJAJA BEREDAR' ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kereta pergi dari setempat ke setempat untuk mendedahkan, membahagi atau menyerahkan untuk jualan apa-apa makanan, minuman atau barang-barang dari apa jenis.

'GERAI' termasuklah mana-mana gerai berkunci, meja, stor, bangku, bangku panjang, bakul kerusi, kayu, kandar, petak peraga dinding, papan tunjur dari apa-apa jenis, sama ada mudah alih atau bukan mudah alih dan sama ada beroda atau bukan beroda, yang di atasnya atau di dalamnya makanan, minuman atau barang-barang dari apa-apa jenis dijual atau didedahkan untuk jualan di mana-mana tempat persendirian atau tempat awam.

1.0. LESEN

- 1.1. Tidak dibenar seseorang menjaja dengan tanpa lesen daripada Majlis Daerah Tanjung Malim.
- 1.2. Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat setiap masa dan menunjukkan lesen bila diminta oleh pihak Majl



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PENJAJA

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SALPe-04	NO PINDAAN : 0
	TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

- 1.3. Bayaran lesen hendaklah dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan pada tiap-tiap tahun.
- 1.4. Pelesen mestilah menjual barang/menjalankan jenis perniagaan seperti mana yang tercatat dalam bil lesen sahaja.
- 1.5. Pelesen hendaklah sentiasa hadir dan menjalankan perniagaan gerai/petaknya.
- 1.6. Pihak Majlis Daerah Tanjung Malim berhak membatalkan lesen atau tidak mengeluarkan sesuatu lesen tanpa memberi sebarang sebab. Majlis juga berhak mengeluarkan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi setiap masa.

2.0. KEMUDAHAN ASAS

- 2.1. Tiap-tiap penjaja hendaklah menyediakan tong sampah sendiri yang berpenutup dan sampah-sampah hendaklah dilupuskan oleh penjaja mengikut cara yang ditetapkan oleh pihak Majlis.

3.0. KEBERSIHAN/KESIHATAN

- 3.1. Dilarang membuang / menumpah apa-apa darah, air masin, cecair buangan atau lain-lain bahan busuk dalam mana-mana longkang atau mana-mana tempat awam dan lain-lain bahan dalam mana-mana tempat awam.
- 3.2. Tiap-tiap penjaja yang menjual makanan dan minuman hendaklah membuat pemeriksaan doktor dan mendapat suntikan TY2
- 3.3. Tiap-tiap penjaja hendaklah memastikan:
 - 3.3.1. dirinya dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih dan,



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PENJAJA

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SALPe-04	NO PINDAAN : 0
	TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

3.3.2. gerai dan keretanya dan lain-lain alat yang berkaitan dengan perniagaannya berada dalam keadaan baik, bersih dan hendaklah mengecat atau mengecatnya semula pada bila-bila masa sebagaimana ditetapkan oleh Majlis.

4.0. KESESUAIAN LOKASI

- 4.1. Semua jenis perniagaan hanya dijalankan di kawasan yang telah dirancang bagi tujuan tersebut dan telah diluluskan secara dasar oleh Majlis Daerah Tanjung Malim atau Kerajaan Negeri.
- 4.2. Pengeluaran lesen penjaja adalah tertakluk kepada Dasar semasa Majlis Daerah Tanjung Malim.

5.0. WAKTU PERNIAGAAN

- 5.1. Pemegang lesen hendaklah menjalankan waktu perniagaan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

6.0. BUNYI BISING

- 6.1. Pemegang lesen semasa menjalankan perniagaan hendaklah tidak membuat bising yang merupakan kacau ganggu.

7.0. LARANGAN BAGI PENJAJA

- 7.1. Tidak boleh menjalankan perniagaan dengan cara menghalang/menganggu perjalanan lalulintas kenderaan atau pergerakan bebas orang berjalan kaki.
- 7.2. Pelesen dilarang memaku pada jalan atau kawasan awam serta dilarang mengikat tali pada harta awam.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PENJAJA

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SALPe-04	NO PINDAAN : 0
	TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

7.3. Tidak boleh menjalankan perniagaan :-

- 7.3.1. Dalam lingkungan 9 meter (30 kaki) dari simpang jalan.
- 7.3.2. Dalam lingkungan 3 meter (10 kaki) dari pili bomba.
- 7.3.3. Di atas tangga, kaki lima atau lapangan awam atau tempat lapangan awam yang berturap **kecuali** dengan kebenaran Majlis Daerah Tanjong Malim.
- 7.3.4. Mana-mana jalan / bahagian sesuatu jalan dalam lingkungan empat puluh (40) meter dari sesuatu jalan masuk atau jalan keluar atau kawasan sekitar mana-mana sekolah, hospital, Pasar Awam atau Kawasan Perdagangan yang diperuntukkan bagi penjaja-penjaja.
- 7.3.5. Semua tempat letak kereta awam.
- 7.3.6. Semua Perhentian Bas, Stesyen Bas dan Tempat Teksi.
- 7.3.7. Kawasan sekitar semua bangunan Pejabat Kerajaan dan tempat awam.
- 7.3.8. Dilarang membuat sebarang penyambungan di gerai/mendirikan struktur bangunan tanpa mendapat kelulusan daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.
- 7.3.9. Tidak boleh menggunakan kayu api/arang di tempat perniagaannya bagi maksud menyediakan makanan melainkan dibenarkan oleh pihak Majlis.



JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

SYARAT- SYARAT LESEN PENJAJA

NO DOKUMEN: MDTM/PKL-SALPe-04	NO PINDAAN : 0
	TARIKH KUATKUASA : 1 NOVEMBER 2013

8.0. PENALTI

Kegagalan mematuhi perkara di atas dan peruntukan-peruntukan dibawah Undang-Undang Kecil Penjaja 1984, Akta dan Undang-Undang Kecil yang berkaitan adalah satu kesalahan dan Majlis boleh mengambil tindakan mengkompaun, merampas dan tindakan Mahkamah.

PENGAKUAN

Bahawa saya
No. Kad Pengenalan mengaku telah menerima dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat yang tersebut di atas.

Tarikh :

Tandatangan :